

# Ramai dakwa sukar muat turun MySejahtera

**Johor Bahru:** Pembukaan sempadan Malaysia-Singapura yang disambut gembira rakyat kedua-dua negara bertukar kecewa apabila ramai mendakwa menghadapi kesukaran memuat turun aplikasi MySejahtera.

Akhbar Singapura, *Today* melaporkan beberapa rakyat Singapura yang tidak sabar kembali ke Johor Bahru dan Malaysia selepas lebih dua tahun tidak dapat melintasi sempadan, meluahkan kekecewaan kerana gagal memuat turun aplikasi itu, sekaligus terpaksa menangguhkan rancangan untuk membeli-belah dan bertemu rakan di negeri ini.

Pekerja dari Singapura, Lim Hui Hui, 23, berkata dia antara individu yang sangat gembira apabila Singapura dan Malaysia mengumumkan akan melonggarkan sekatan perjalanan, sekaligus membuka sempadan mulai hari ini.

Dia yang setiap minggu ke Johor Bahru untuk membeli-belah dan mengisi petrol keretanya sebelum pandemik COVID-19 melanda mengakui terlalu rindu untuk kembali ke bandar raya ini bagi melakukan aktiviti berkegiatan, selain bertemu rakan.

“Saya sudah membuat rancangan untuk bercuti dan kembali

ke Johor Bahru esok untuk membeli-belah dan mengisi petrol kerana ia lebih murah, bagaimanapun, saya menghadapi masalah ketika mendaftar MySejahtera, ia satu proses yang rumit dan mengelirukan.

“Saya juga keliru sama ada perlu membeli insurans perjalanan untuk memasuki Malaysia kerana pelbagai versi maklumat yang diterima.

“Oleh kerana sukar memuat turun MySejahtera dan beberapa kekeliruan lain, saya memutuskan untuk menangguhkan percutian ke Johor Bahru kerana bimbang tidak dibenarkan masuk ke bandar raya ini berikutan maklumat peribadi sebenar sukar dimasukkan ke MySejahtera,” katanya kepada akhbar *Today*.

Akhbar *Today* turut melaporkan sekurang-kurangnya lima rakyat Singapura yang ditemubual terpaksa menangguhkan perjalanan mereka, berikutan bimbang mereka tidak akan dibenarkan masuk ke Malaysia kerana sukar memasukkan butiran ke aplikasi MySejahtera.

Isu kerumitan memuat naik MySejahtera turut menjadi isu hangat di portal pekerja Malaysia di Singapura dengan masing-masing saling berkongsi ma-

salah mereka memuat turun dan memasukkan butiran peribadi mereka.

Antara masalah utama rakyat Singapura memuat turun MySejahtera termasuk aplikasi itu memerlukan pengguna memasukkan alamat kediaman di Malaysia, sedangkan warga Singapura mahu pun pelancong tidak memiliki kediaman di negara ini.

MySejahtera turut memerlukan pengguna meletakkan negeri Malaysia, namun ramai yang keliru kerana mereka meletakkan alamat rumah di Singapura.

Selain itu, pengguna di Singapura juga mendapati sukar untuk mengemas kini status vaksinasi pada aplikasi, sebelum menyedari bahawa ia akan mengambil masa sehingga lima hari bekerja untuk diluluskan.

Sementara itu Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia, Datuk Seri Khairul Dzaimie Daud, berkata pengembara harian dari Singapura yang berhasrat memasuki Malaysia hanya perlu menjalani proses kemasukan sama seperti sebelum pandemik COVID-19 melanda.

Beliau berkata, pengembara terbabit boleh memasuki Malaysia dan pulang ke negara asal seperti biasa.

“Proses bagi pengembara harian

“Pengembara harian dari Singapura yang berhasrat memasuki Malaysia hanya perlu menjalani proses kemasukan sama seperti sebelum pandemik COVID-19 melanda”

**Khairul Dzaimie Daud,**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Imigresen  
Malaysia



dari Singapura seperti sebelum pandemik COVID-19. Masuk dan keluar seperti biasa,” katanya kepada *BH*.

Berdasarkan protokol kesihatan ditetapkan KKM, pengembara dari Singapura lengkap divaksinasi yang menggunakan laluan darat tidak perlu menjalani ujian saringan COVID-19 dalam tempoh dua hari sebelum masuk ke Malaysia. Mereka juga tidak perlu menjalani

kuarantin atau memiliki insurans perjalanan COVID-19.

Bagi pengembara yang belum lengkap divaksinasi atau tidak menerima vaksin, mereka juga tidak perlu menjalani ujian saringan terbabit, namun perlu menjalani tempoh kuarantin selama lima hari serta memiliki insurans perjalanan COVID-19.

Protokol sama juga diguna pakai bagi pengembara dari Singapura yang menggunakan laluan udara serta laut. Maklumat berkaitan prosedur dan protokol kesihatan boleh didapati di <https://mysafetravel.govmy/travel-from-sg>.

Sementara itu, Khairul Dzaimie berkata, pengembara warga asing yang merancang memasuki negara ini perlu mematuhi peraturan ditetapkan Jabatan Imigresen dan mematuhi protokol kesihatan yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan (KKM), termasuk memuat naik aplikasi MySejahtera.

“Pelawat perlu mempunyai kewangan atau kemudahan kredit mencukupi untuk menampung perbelanjaan di Malaysia, termasuk memiliki tiket pulang ke negara asal serta tempat tinggal yang sudah ditempah, selain passport perlu melebihi tempoh enam bulan,” katanya.